A

Mustafa Kamal bin Mohamed lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — NO KES PA-42R-3–09 TAHUN 2022
ROFIAH MOHAMAD PK
22 APRIL 2024

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Sabitan atas kesalahan — kesalahan di bawah s 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta 694') — Hakim mahkamah sesyen mendapati perayu gagal mematahkan anggapan di bawah s 23(2) Akta 694 — Sama ada hakim mahkamah sesyen gagal mengaktifkan anggapan di bawah*
D *s 23(2) Akta 694 — Sama ada hakim mahkamah sesyen terkhilaf dengan menyalaharahkan dirinya dalam dapatannya bahawa perayu telah gagal mematahkan anggapan di bawah s 23(2) Akta 694 pada tahap imbangan kebarangkalian — Sama ada salaharahan tersebut menyebabkan berlakunya*
E *ketidakadilan kepada perayu — Sama ada telah berlaku kegagalan keadilan terhadap perayu-perayu — Sama ada sabitan dan hukuman yang dikenakan terhadap perayu adalah selamat — Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 23(1) & (2) — Kanun Tatacara Jenayah ss 173(h)(iii) & 422*

F Perayu telah dipertuduh dengan tiga pertuduhan di bawah s 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta 694'). Dia kemudiannya telah disabitkan bersalah oleh hakim mahkamah sesyen ('HMS') serta dijatuhkan hukuman setelah HMS memutuskan bahawa perayu gagal mematahkan anggapan di bawah s 23(2) Akta 694 dan seterusnya HMS
G mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesemua pertuduhan tersebut melampaui keraguan yang munasabah. Terkilan dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan rayuan semasa. Persoalan yang timbul di dalam rayuan semasa adalah sama ada HMS telah terkhilaf dengan menyalaharahkan dirinya dalam dapatannya bahawa perayu telah gagal
H mematahkan anggapan statutori tersebut pada tahap imbangan kebarangkalian dan sama ada salaharahan ini telah menyebabkan berlakunya ketidakadilan terhadap perayu.

I **Diputuskan**, mengenepikan sabitan dan hukuman terhadap perayu atas kesemua pertuduhan, melepaskan dan membebaskan perayu dari kesemua pertuduhan, dan mengembalikan jaminan perayu:

(1) Hakim mahkamah sesyen terdahulu telah memutuskan bahawa 'an actual credible evidence' yang sejajar dengan maksud prima facie dalam s 173(h)(iii) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') telah berjaya dibuktikan

oleh pendakwaan di penutupan kes pendakwaan. Oleh itu, mahkamah berpendapat tanggungjawab perayu diperingkat pembelaan bagi mengelakkan sabitan dan seterusnya hukuman adalah untuk mengemukakan 'an evidentiary evidence' yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Namun, di akhir kes pembelaan, HMS membuat dapatan bahawa perayu telah gagal mematahkan anggapan statutori di bawah s 23(2) Akta 694 pada tahap imbangan kebarangkalian. Adalah jelas bahawa HMS telah terkhilaf dengan menyalaharahkan dirinya. Ini kerana berdasarkan rekod, anggapan statutori di bawah s 23(2) Akta 694 tidak pernah diaktifkan dan dengan itu, bukanlah asas bagi HMS terdahulu mencapai dapatan bahawa kes prima facie telah dibuktikan dan seterusnya memanggil pembelaan perayu bagi kesemua pertuduhan tersebut ('salaharahan tersebut') (lihat perenggan 9 & 13–14).

(2) Mahkamah mendapati bahawa salaharahan tersebut telah menyebabkan berlakunya ketidakadilan terhadap perayu. Hal ini kerana perayu sudah tentu telah diprejudiskan apabila ternyata pembelaannya telah dinilai oleh HMS dalam konteks sama ada pembelaannya telah berjaya mematahkan anggapan s 23(2) Akta 694 pada tahap imbangan kebarangkalian. Sedangkan, perayu secara logiknya telah membentangkan pembelaannya selaras dengan keputusan HMS terdahulu ketika mana pembelaan perayu dipanggil iaitu dengan mengemukakan keterangan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan (lihat perenggan 16).

(3) Prinsip keadilan sejagat terutamanya apabila ia melibatkan kebebasan asasi individu yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan, menuntut selain diberikan peluang membela diri atas pertuduhan yang dikenakan, tertuduh-tertuduh juga perlu dijelaskan tentang pembelaan yang bagaimanakah perlu disediakan (*what is expected of them*) dan dibentangkan di hadapan tribunal yang membicarakan mereka. Dalam kata lain, perayu juga harus tahu apakah tahap pembuktian yang diperlukan untuk dikemukakan dan apakah beban pembuktian yang perlu mereka lunaskan bagi mendapatkan pelepasan dan pembebasan daripada pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan (lihat perenggan 18).

(4) Mahkamah mendapati telah berlaku kegagalan keadilan terhadap perayu dalam bentuk 'misdirection' yang tidak boleh diatasi di bawah s 422 KTJ. Ini berlaku apabila di akhir kes pendakwaan, perayu yang secara munasabah dan bona fide mempercayai bahawa perayu hanya bertanggungan didalam pembelaannya untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, sebaliknya telah dikejutkan apabila di akhir kes pembelaan, telah diputuskan bahawa pembelaan perayu telah gagal mematahkan anggapan statutori pada tahap imbangan kebarangkalian dan akhirnya membawa kepada sabitan dan

hukuman ke atas perayu atas kesemua pertuduhan. Sehubungan itu, mahkamah mendapati bahawa adalah tidak selamat untuk mahkamah mengekalkan sabitan dan hukuman oleh HMS terhadap perayu (lihat perenggan 38–39).

[English summary

The appellant was charged with three charges under s 23(1) of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('Act 694'). He was later convicted and sentenced by the sessions court judge ('the SCJ') after the SCJ decided that the appellant failed to rebut the presumption under s 23(2) of Act 694 and subsequently the SCJ found that the prosecution had succeeded in proving all the charges beyond reasonable doubt. Aggrieved by the decision, the appellant filed the present appeal. The question that arose in the present appeal was whether the SCJ had erred by misdirecting himself in his finding that the appellant had failed to rebut the statutory presumption on the balance of probabilities and whether this misdirection had caused injustice to the appellant.

Held, setting aside the appellant's conviction and sentence on all charges, discharging and acquitting the appellant of all charges, and returning the appellant's bail:

(1) The previous sessions court judge had decided that 'an actual credible evidence' which was in line with the meaning of prima facie in s 173(h)(iii) of the Criminal Procedure Code ('the CPC') had been successfully proved by the prosecution at the closing of the prosecution case. Therefore, the court was of the view that the appellant's responsibility at the defence stage to avoid conviction and subsequent sentence was to present 'an evidentiary evidence' that could raise reasonable doubt on the prosecution's case. However, at the end of the defence case, the SCJ made a finding that the appellant had failed to rebut the statutory presumption under s 23(2) of Act 694 on the balance of probabilities. It was clear that the SCJ had erred by misdirecting himself. This was because based on the record, the statutory presumption under s 23(2) of Act 694 was never activated and thus, it was not the basis for the previous SCJ to reach the conclusion that prima facie case had been proven and subsequently called the appellant's defence for all the charges ('the misdirection') (see paras 9 & 13–14).

(2) The court found that the misdirection had caused injustice to the appellant. This was because the appellant had of course been prejudiced when it turned out that his defence had been assessed by the SCJ in the context of whether his defence had successfully rebut the presumption of s 23(2) of Act 694 on the balance of probabilities. Meanwhile, the appellant had logically presented his defence in line with the previous

SCJ's decision when the appellant's defence was called, namely by presenting evidence that could raise reasonable doubt on the prosecution's case (see para 16).

(3) The principle of natural justice, especially when it involved the fundamental liberties of individuals guaranteed under the Federal Constitution, demanded that in addition to being given the opportunity to defend themselves against the charges imposed, the accused also ought to be explained regarding what kind of defence ought to be prepared (what is expected of them) and presented before the tribunal that tried them. In other words, the appellant should also know what standard of proof was required to be presented and what was the burden of proof to be discharged in order for them to obtain discharge and acquittal from the charges imposed (see para 18).

(4) The court found that there had been a miscarriage of justice against the appellant in the form of 'misdirection' which was not curable under s 422 of the CPC. This happened when at the end of the prosecution case, the appellant who reasonably and bona fide believed that the appellant was only responsible in his defence to raise a reasonable doubt in the prosecution case, but instead was surprised when at the end of the defence case, it was decided that the appellant's defence had failed to rebut the statutory presumption on the balance of probabilities and ultimately led to the conviction and sentence of the appellant on all charges. Accordingly, the court found that it was unsafe for the court to uphold the conviction and sentence by the SCJ against the appellant (see paras 38–39).]

Kes-kes yang dirujuk

Chan Chwen Kong v PP [1962] 1 MLJ 307, CA (refd)
Mat lwn PP [1963] 1 MLJ 263 (diikut)
Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v PP and another appeal [2014] 4 MLJ 875; [2014] 7 CLJ 897; [2014] AMEJ 0611, CA (refd)
Nagappan a/l Kuppusamy v PP [1988] 2 MLJ 53, SC (refd)
PP v Ho Sek Kong [2006] 2 MLJ 81, HC (refd)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649, HC (refd)
Tunde Apatira & Ors v PP [2001] 1 MLJ 259; [2001] 1 CLJ 381, FC (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 s 23(1), (1)(c), (2)
Kanun Tatacara Jenayah s 173(h)(iii), 152, 153, 154, 422
Perlembagaan Persekutuan

Kitson Foong (Kit & Assoc) bagi pihak perayu.
Noor Azura bt Zulkiflee (Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) bagi pihak responden.

Rofiah Mohamad PK:

[1] Ini adalah rayuan pendakwa raya terhadap keputusan mahkamah ini yang diberikan pada 2 Februari 2024 yang telah membenarkan rayuan perayu dan mengenepikan perintah sabitan dan hukuman terhadap perayu yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen dan selanjutnya melepaskan dan membebaskan responden daripada tiga pertuduhan di bawah s 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

LATAR BELAKANG KES

[2] Di mahkamah sesyen berkenaan, dalam Kes No PB-62R-03–1 Tahun 2019 (kes Mahkamah Tinggi No PA-42R-3–09 Tahun 2022) perayu telah dipertuduhkan dengan tiga pertuduhan berikut:

(a) pertuduhan pertama:

> Bahawa kamu pada 23 November 2012 di Pejabat Komunikasi Strategik, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, dalam Daerah Barat Daya, Dalam Negeri Pulau Pinang, telah bersubahat dengan abang kandung kamu yang bernama Badaruddin bin Mohamed (No. K/P: 650901-06-5851) iaitu seorang Pegawai Badan Awam yang bertugas sebagai Pengarah, Pejabat Komunikasi Strategik, Universiti Sains Malaysia untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) kerana telah menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suatu suapan bagi kamu sebanyak RM21,303.00, yang mana adalah berkaitan dengan Borang Pesanan Rasmi bernombor PAJKOMS1000000000009 berhubung kerjakerja membekalkan:-1. 1 unit Manfrotto Monopod 561HBDV 2. 4 unit UPS Cyber Power Intelligent LCD CP825LCD 3. 1 unit Disc Master 21P Autoloader CD DVD Label 4. 1 unit Green Screen Panel Set 5. 1 unit Touch Screen Panel 6. 1 unit Aperature Wireless Viewfinder 2.4G 7. 2 unit Walkie talkie 8. 1 unit Dolly & Trancking Set kepada Pejabat Komunikasi Strategik Universiti Sains Malaysia, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah subseksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang dibacakan bersama seksyen 23(1) Akta yang sama dan boleh dihukum dibawah 24(1) Akta yang sama.

(b) pertuduhan kedua:

> Bahawa kamu pada 05 September 2011 di Pejabat Sustainable Tourism Research Cluster (STRC), Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, dalam Daerah Barat Daya, dalam Negeri Pulau Pinang, telah bersubahat dengan abang kandung kamu yang bernama Badaruddin bin Mohamed (No. K/P: 650901-06-5851) iaitu seorang Pegawai Badan Awam yang bertugas sebagai Ketua, Pejabat Sustainable Tourism Research Cluster (STRC), Universiti Sains Malaysia untuk melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) kerana telah menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suatu suapan bagi kamu

sebanyak RM3,450.00, yang mana adalah berkaitan dengan Borang Pesanan Rasmi bernombor PPPTS1000000000007 berhubung kerja-kerja membekalkan 30 unit Souvenirs Glass kepada Pejabat Sustainable Tourism Research Cluster (STRC), Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan dibawah subseksyen 28 (1) (c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) yang dibacakan bersama seksyen 23(1) Akta yang sama dan boleh dihukum dibawah 24(1) Akta yang sama.

(c) pertuduhan ketiga:

Bahawa kamu pada 22 September 2011 di Pejabat Komunikasi Strategik, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, dalam Daerah Barat Daya, Dalam Negeri Pulau Pinang, telah bersubahat dengan abang kandung kamu yang bernama Badaruddin bin Mohamed (No. K/P: 650901-06-5851) iaitu seorang Pegawai Badan Awam yang bertugas sebagai Pengarah, Pejabat Komunikasi Strategik, Universiti Sains Malaysia untuk melakukan suatu kesalahan dibawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) kerana telah menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suatu suapan bagi kamu sebanyak RM5,750.00, yang mana adalah berkaitan dengan Borang Pesanan

[3] Perayu tidak mengaku salah justeru telah dibicarakan. Diakhir kes pendakwaan iaitu setelah 43 orang saksi pendakwaan selesai memberikan keterangan, hakim mahkamah sesyen (ketika itu) memutuskan bahawa satu kes prima facie bagi ketiga-tiga pertuduhan yang dikenakan telah berjaya dibuktikan oleh pendakwaan. Seterusnya perayu telah dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan-pertuduhan tersebut.

[4] Diakhir kes pembelaan iaitu setelah enam saksi pembelaan selesai memberikan keterangan, HMS ketika itu (bukan HMS yang membuat keputusan diperingkat akhir kes pendakwaan) telah memutuskan bahawa pembelaan telah gagal mematahkan anggapan dibawah s 23(2) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan HMS berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesemua pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu melampaui sebarang keraguan yang munasabah. Sehubungan itu, HMS telah menyabitkan dan menjatuhkan hukuman ke atas perayu bagi kesemua kesalahan-kesalahan tersebut.

[5] Perayu yang terkilan dengan sabitan-sabitan dan hukuman-hukuman tersebut telah memfaikan notis rayuan ke mahkamah ini.

A BIDANG KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MAHKAMAH YANG MENDENGAR RAYUAN

[6] Dalam kes *Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v Public Prosecutor and another appeal* [2014] 4 MLJ 875; [2014] 7 CLJ 897; [2014] AMEJ 0611, Mohd Zawawi Salleh HMR (pada masa itu) telah dengan jelas dan terperinci mengariskan prinsip-prinsip berkenaan dengan kuasa mahkamah yang mendengar rayuan yang dipetik seperti berikut:

> [4] ... We have heard learned counsel for the appellants and learned deputy public prosecutor (DPP) at some length. We have also scrutinised the records available before us. We are mindful that this is a factual based appeal. It is trite that an appellate court will be slow to interfere with the findings of facts and judicial appreciation of the facts by the trial court to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. However, there are exceptions. Where: (a) the judgment is based upon a wrong premise of fact or of law; (b) there was insufficient judicial appreciation by the trial judge of the evidence of circumstances placed before him; (c) the trial judge has completely overlooked the inherent probabilities of the case; (d) that the course of events affirmed by the trial judge could not have occurred; (e) the trial judge had made an unwarranted deduction based on faulty judicial reasoning from admitted or established facts; or (f) the trial judge had so fundamentally misdirected himself that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion, then an appellate court will intervene to rectify that error so that injustice is not occasioned, (see *Perembun (M) Sdn Bhd v. Conlay Construction Sdn Bhd* [2012] 4 MLJ 149; [2012] 1 LNS 1416 (CA) *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395; [1996] 4 CLJ 545; [1996] 3 AMR 3506 (CA)).

ANALISA, DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[7] Berpandukan kepada otoriti tersebut, saya telah meneliti dengan teliti kesemua rekod-rekod rayuan dari mahkamah sesyen berkenaaan.

[8] Hasil penelitian tersebut iaitu berdasarkan nota keterangan, saya mendapati perbicaraan kes ini di mahkamah sesyen berkenaan telah dikendalikan oleh beberapa orang hakim mahkamah sesyen (HMS). Di mana, diakhir kes pendakwaan iaitu pada 16 December 2020, HMS terdahulu pada ketika itu, telah memutuskan yang dipetik seperti berikut:

> Diakhir kes Pendakwaan. Kes No PB-61R-10,11,12–10 Tahun 2018 *PP vs Badaruddin bin Mohamed* — Keputusan:
>
> > Setelah mendengar keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan dan penghujahan kedua-dua Pihak Pendakwaan dan peguambela, Mahkamah mendapati Pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi kesemua sembilan (9) pertuduhan tersebut. Dengan ini OKT dipanggil untuk membela diri terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut.

Kes No. PB-62R-1,2,3–01 Tahun 2019 PP v Mustafa Kamal bin Mohamed — Keputusan:

> Setelah mendengar keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwaan dan Penghujahan kedua-dua pihak Pendakwaan dan peguambela, Mahkamah mendapati Pihak Pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT bagi kesemua sembilan (9) pertuduhan tersebut. Dengan ini OKT dipanggil untuk membela diri terhadap pertuduhan-pertuduhan tersebut."

[9] Dari keputusan yang telah dibacakan kepada pihak-pihak tersebut, adalah jelas bahawa HMS terdahulu semasa memanggil pembelaan perayu tidak menggunakan atau mengaktifkan anggapan dibawah s 23(2) Akta SPRM 2009 terhadap perayu. HMS berkenaan hanya memutuskan bahawa diakhir kes pendakwaan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu bagi kesemua sembilan pertuduhan yang dikenakan kepada perayu. Ini bermakna HMS terdahulu telah memutuskan bahawa *an actual credible evidence* yang sejajar dengan maksud prima facie dalam s 173(h)(iii) Kanun Tatacara Jenayah telah berjaya dibuktikan oleh Pendakwaan dipenutupan kes pendakwaan. Oleh yang demikian, tanggungjawab perayu diperingkat pembelaan bagi mengelakkan sabitan dan seterusnya hukuman adalah untuk mengemukakan *an evidentiary evidence* yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[10] Namun, saya mendapati HMS yang telah menyambung dengar kes ini diperingkat pembelaan (HMS ini hanya mendengar keterangan tiga saksi sahaja iaitu SD4, SD5 dan SD6) telah membuat keputusan diakhir kes pembelaan yang dipetik seperti berikut:

> Setelah mahkamah ini meneliti keseluruhan keterangan saksi-saksi pembelaan, mahkamah mendapati pihak pembelaan telah gagal mematahkan anggapan dibawah Seksyen 23(1)(c) Akta 694 atas imbangan kebarangkalian dan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kebenaran atas pendakwaan sebaliknya kes pendakwaan telah pun dibuktikan melampaui keraguan yang munasabah. Oleh yang demikian tertuduh pertama dan kedua didapati bersalah dan disabitkan bagi kesemua pertuduhan dalam setiap kes yang dituduhkan masing-masing.

[11] Manakala di dalam alasan penghakiman HMS berkenaan di ms 42–43 pula, HMS berkenaan telah menolak pembelaan perayu secara umum sebagai satu fikiran terkemudian, penyataan kosong dan bersifat penafian semata-mata. HMS juga menyatakan bahawa beliau berpendapat bahawa pembelaan perayu bukanlah pembelaan yang bermerit dan tidaklah terjumlah kepada penjelasan tidak bersalah yang boleh mematahkan anggapan s 23(1)(c) Akta 694 (saya percaya dan bertindak atas anggapan bahawa seksyen yang dimaksudkan oleh HMS berkenaan adalah s 23(2) Akta 694 kerana s 23(1)(c)

A Akta 694 tidak wujud di dalam Akta berkenaan).

[12] Dengan penyataan ini didalam penghakimannya, adalah jelas mencerminkan bahawa diakhir kes pembelaan, didalam pemikirannya, HMS berkenaan telah meletakkan satu penanda aras (*threshold*) kepada pembelaan untuk mengemukakan satu pembelaan yang mencapai tahap imbangan kebarangkalian, kerana inilah tahap pembuktian yang diperlukan di dalam undang-undang bagi mematahkan (*rebut*) sesuatu anggapan statutori. Rujukan dibuat kepada kes *Nagappan a/l Kuppusamy v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 53 yang menyatakan seperti berikut:

> How much evidence is to be adduced depends on the nature of the requirement. Where the burden is shifted to the defence by a statutory presumption, the test in *R v Carr Briant* [1943] KB 607 and adopted in *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 would be on the balance of probabilities.

[13] Seterusnya, atas dapatan bahawa pembelaan perayu telah gagal mematahkan anggapan statutori berkenaan pada tahap imbangan kebarangkalian, maka HMS berkenaan telah mendapati dan memutuskan bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka melampaui sebarang keraguan yang munasabah dan seterusnya mensabitkan perayu dengan kesalahan bagi kesemua pertuduhan yang dikenakan.

[14] Adalah jelas bahawa HMS berkenaan telah terkhilaf dengan menyalaharahkan (*misdirected*) dirinya. Ini kerana berdasarkan rekod, anggapan statutori dibawah s 23(2) Akta SPRM 2009 tidak pernah diaktifkan dan dengan itu, bukanlah asas bagi HMS terdahulu mencapai dapatan bahawa prima facie telah dibuktikan dan seterusnya memanggil pembelaan perayu bagi kesemua pertuduhan.

[15] Oleh yang demikian, dengan merujuk sekali kepada kes *Mohd Yusri bin Mangsor & Anor v Public Prosecutor and another appeal* terutamanya dibahagian (f) iaitu;

> (f) the trial judge had so fundamentally misdirected himself that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion, then an appellate court will intervene to rectify that error so that injustice is not occasioned ...

[16] Persoalan yang timbul adakah salaharahan ini telah menyebabkan berlakunya ketidakadilan terhadap perayu? pada pendapat saya, jawapannya adalah 'Ya'. Hal ini kerana perayu sudah tentu telah diprejudiskan apabila ternyata pembelaan mereka telah dinilai oleh HMS yang mendengar kes ini di peringkat pembelaan dan seterusnya membuat keputusan di akhir perbicaraan dalam konteks sama ada pembelaan perayu telah berjaya mematahkan

anggapan s 23(2) Akta SPRM 2009 pada tahap imbangan kebarangkalian. Sedangkan, perayu secara logiknya telah membentangkan pembelaan mereka selaras dengan keputusan HMS terdahulu ketika mana pembelaan perayu dipanggil iaitu dengan mengemukakan keterangan yang boleh menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Kedudukan undang-undang dalam isu ini adalah mantap. Telah digariskan dalam banyak otorit-otoriti duluan yang antaranya kes *Public Prosecutor v Ho Sek Kong* [2006] 2 MLJ 81 dan *Chan Chwen Kong v Public Prosecutor* [1962] 1 MLJ 307, yang telah diputuskan seperti berikut:

> Although the burden of proof in a criminal trial lies throughout on the prosecution in bringing home a conclusion that it had proven its case beyond a reasonable doubt, the accused, if called upon to his defence bears the evidential burden of casting that doubt.

[17] Mahkamah ini akur bahawa diperingkat rayuan, mahkamah ini harus meneliti dan menilai semua keterangan secara keseluruhan dan sabitan mahkamah rendah masih boleh dikekalkan walaupun terdapat salah arahan/*misdirection* oleh mahkamah bicara jika pada pendapat mahkamah rayuan terdapat keterangan yang luar biasa (*overwhelming*) memihak kepada pendakwaan dan tertuduh telah diberikan peluang untuk membentangkan pembelaan mereka dengan sewajarnya.

[18] Walau pun benar perayu dalam kes ini telah dberikan peluang untuk mengemukakan pembelaannya dengan sewajarnya, namun, pada hemat saya, ia tidak mencukupi dan tidak melenyapkan prejudis terhadap perayu. Prinsip keadilan sejagat (*natural justice*) terutamanya apabila ia melibatkan kebebasan asasi individu yang dijamin dibawah Perlembagaan Persekutuan, menuntut selain diberikan peluang membela diri atas pertuduhan yang dikenakan, tertuduh-tertuduh juga perlu dijelaskan tentang pembelaan yang bagaimanakah perlu disediakan (*what is expected of them*) dan dibentangkan di hadapan tribunal yang membicarakan mereka. Dalam kata lain, perayu juga harus tahu apakah tahap pembuktian yang diperlukan untuk dikemukakan dan apakah beban pembuktian yang perlu mereka lunaskan bagi mendapatkan pelepasan dan pembebasan daripada pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan (*to earn an acquittal*).

[19] Analogi dibuat dengan peruntukkan-peruntukkan s 152 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') berkait dengan pertuduhan (*charge*). Dimana adalah kehendak undang-undang agar setiap pertuduhan yang dirangka terhadap tertuduh perlulah jelas dan tepat semua butirannya seperti apakah kesalahan yang dipertuduhkan, tarikh, masa dan tempat kejadian di mana kesalahan tersebut dikatakan telah dilakukan dan sebagainya. Ini tidak lain adalah bertujuan agar tertuduh tahu apakah pertuduhan yang sedang dihadapinya dan dengar pengetahuan tersebut tertuduh boleh menyediakan pembelaannya

dengan sewajarnya. Manakala, kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan ini adalah dianggap material dan mencacatkan pertuduhan tersebut sekiranya ia telah menyebabkan tertuduh disalah arah (*misled*) (s 156 KTJ dirujuk).

[20] Pada hemat mahkamah ini, perkara yang sama juga adalah terpakai apabila pembelaan tertuduh dipanggil bagi kesalahan yang ada tersedia peruntukkan anggapan undang-undang secara statutori seperti pertuduhan yang sedang perayu ini hadapi. Perayu perlu tahu adakah pembelaannya dipanggil kerana mahkamah mendapati fakta mengenainya telah terbukti melalui keterangan atau pun kerana kewujudan fakta tersebut telah dibuktikan dengan pengaktifan anggapan statutori mengenainya. Hanya dengan mengetahui perkara ini sahaja, maka tertuduh akan tahu apakah beban pembuktian dan tahap probatif keterangan yang perlu mereka kemukakan dalam pembelaan mereka.

[21] Perbezaan tahap/beban pembuktian dalam pembelaan bila mana anggapan statutori diaktifkan telah dijelaskan oleh Augustine Paul J dalam kes *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649 yang dipetik seperti berikut:

> It must first be observed that reliance on the presumption provisions where there is available evidence of the facts to be presumed will be unfavourable to the accused. This is because where the court relies on a statutory provision relating to a presumption of law like the presumption provisions it is bound to take the fact as proved until evidence to the contrary is given, on a balance of probabilities, to disprove it (see *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 69; *Nagappan a/l Kuppusamy v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 53). This results in a legal burden being imposed on an accused person though it is not illegal. *Failure to discharge the burden, even where a reasonable doubt as to guilt exists, will be followed by conviction* (see *State v Mello & Anor* [1999] 1 LRC 215). However, if the court had acted on the available evidence in proof of the relevant ingredients without resorting to presumptions there is only an evidential burden on an accused person to raise a reasonable doubt. (Penekanan ditambah.)

[22] Berkait dengan isu ini, pihak pendakwaan telah menghujahkan yang dipetik seperti berikut:

> Pihak responden menghujahkan bahawa sabitan yang dikenakan kepada perayu-perayu adalah selamat. Hal ini adalah kerana, semasa diperingkat pendakwaan, apabila Hakim memutuskan bahawa satu prima facie telah dibuktikan, tanpa memutuskan anggapan digunakan, ini menunjukkan keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan telah melampaui keraguan munasabah tanpa perlu Mahkamah menggunakan anggapan untuk memanggil perayu-perayu membela diri dan apabila diakhir kes pembelaan, apabila HMS menyatakan terdapat keterangan dan anggapan terpakai, adakah perkara ini memprejudiskan perayu-perayu? Tidak. Hal ini adalah kerana, semasa diperingkat pendakwaan, mahkamah tidak menggunapakai anggapan, kerana keseluruhan

keterangan kes memadai untuk satu prima facie dibuktikan. Apabila perayu-perayu memberi keterangan, mahkamah memutuskan perayu-perayu gagal mematahkan anggapan. Mahkamah telah memberi ruang kepada perayu-perayu untuk membela diri dan memanggil saksi-saksi pembelaan, Jadi diperingkat ini, pihak pendakwaan memutuskan mahkamah semasa menjatuhkan sabitan terhadap perayu-perayu setelah mendengar keseluruhan keterangan.

[23] Dengan segala hormat kepada Puan timbalan pendakwa raya yang terpelajar, mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan hujahan Puan TPR bahawa perayu tidak diprejudiskan walau pun pembelaannya dinilai oleh HMS dengan neraca atas 'imbangan kebarangkalian' sedangkan HMS terdahulu ketika memanggil pembelaan perayu tidak bergantung kepada anggapan statutori yang perlu disangkal (*rebut*) pada tahap atas imbangan kebarangkalian oleh perayu.

[24] Di dalam alasan penghakiman HMS berkenaan adalah jelas bahawa HMS berkenaan telah menyimbulkan bahawa pembelaan perayu tidaklah terjumlah kepada penjelasan tidak bersalah yang boleh mematahkan anggapan s 23(2) Akta SPRM 2009. Secara spesifik dan sebagai contoh, bahagian alasan penghakiman HMS berkenaan dipetik seperti berikut:

Mahkamah ini dengan rendah diri juga berpendapat pembelaan seperti ini oleh OKT1 dan OKT2 bukanlah pembelaan yang bermerit dan tidaklah terjumlah kepada penjelasan tidak bersalah yang boleh mematahkan anggapan di bawah s 23(1)(c) Akta 694, sebaliknya telah menguatkan lagi kes pendakwaan. Ini kerana dalam hal keadaan tersebut OKT1 ada pilihan yang masih terbuka untuk memilih pembekal yang bukan ada tali persaudaraan dengannya atau mengistiharkan kepentingan Syarikat MK Urusniaga Sdn Bhd dan OKT1 gagal berbuat demikian.

[25] Adalah jelas bahawa HMS berkenaan mengharapkan satu pembelaan pada tahap atas imbangan kebarangkalian dari perayu. Walhal, jika beban yang diletakkan hanya pada tahap untuk menimbukan keraguan yang munasabah, adalah berkemungkinan HMS berkenaan akan membuat dapatan yang sebaliknya dengan mengambil kira bahawa pada kesemua masa yang material, pihak USM tidak ada sebarang garis panduan yang memerlukan pengisytiharan kepentingan dalam proses pembelian. Ekshibit D44 jelas menunjukkan bahawa USM telah melaksanakan *intergrity pact* yang mewajibkan pengisytiharan kepentingan berkenaan hanya pada 15 Julai 2014, iaitu selepas semua tarikh-tarikh pertuduhan yang dikenakan terhadap perayu.

[26] Begitu juga dengan bahagian penghakiman HMS yang dipetik seperti berikut:

... Dalam erti kata lain dari keterangan SD4 adalah jelas bahawa OKT1 tidak ada kuasa meluluskan P1 sehingga P9 melainkan hanya oleh Dekan Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial USM iaitu Prof Dr Osman Mohamad yang boleh

meluluskan P1 sehingga P9. Melalui SD4 ini, ekshibit-ekshibit ID D 86, ID D 87 dan ID D 88 telah dikemukakan untuk menyokong keterangannya.

Berkenaan keterangan SD4 ini, mahkamah ragu-ragu berkenaan SD4 sebagai saksi pembelaan sama ada SD4 dengan status dan kapasitinya berkeupayaan memberikan keterangan berkenaan perjalanan urusan kewangan di STRC dan prosidur kewangan di Pejabat Bendahari USM. Ini adalah kerana SD4 tidak kemukakan pengenalan dan tidak ada saksi lain yang dapat mengesahkan bahawa dia adalah Pegawai Sains Gred C41 yang bertugas di Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial (PTS) di Universiti Sains Malaysia dari tahun 2011 sehingga 2013 yang mempunyai kaitan dengan STRC tempat di mana OKT1 ditugaskan.

[27] Pada hemat mahkamah ini, jika kes ini dibicarakan dihadapan HMS yang lain yang tidak terkhilaf atau sekiranya pun di hadapan HMS ini sendiri dengan mengaplikasikan beban pembuktian yang betul ke atas pembelaan, kemungkinan untuk perbicaraan ini berakhir dengan perintah pelepasan dan pembebasan terhadap perayu adalah tidak mustahil. Ini kerana dengan garis panduan yang diberikan oleh kes *Mat lwn Public Prosecutor* [1963] 1 MLJ 263, perintah pelepasan dan pelepasan masih perlu dibuat di akhir kes pembelaan walau pun hakim bicara tidak mempercayai atau ragu-ragu dengan penjelasan yang diberikan oleh tertuduh apabila penjelasan tersebut telah menimbulkan keraguan di fikirannya mengenai kebersalahan tertuduh.

[28] Sekadar melengkapkan penghakiman ini, kes tersohor *Mat v Public Prosecutor* ini diperturunkan lagi untuk sekian kalinya dimana Sufian J (pada ketika itu) telah menjelaskan tanggungjawab mahkamah dalam pemakaian prinsip pembuktian kes melampaui keraguan munasabah oleh pendakwaan seperti berikut:

I agree with Inche Christie, counsel for the appellant, that the learned magistrate has seriously misdirected himself as to the meaning of the burden of proof by the accused in cases where it is necessary for him to rebut the prosecution case against him. The correct law for magistrates to apply is as follows. If you accept the explanation given by or on behalf of the accused, you must of course acquit. But this does not entitle you to convict if you do not believe that explanation, for he is still entitled to an acquittal if it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence you are left in a real state of doubt, the prosecution has failed to satisfy the onus of proof which lies upon it. The position may be conveniently stated as follows: a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused's guilt. Convict. b) If you accept or believe the accused's explanation. Acquit. c) If you do not accept or believe the accused's explanation. Do not convict but consider the next steps below. d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt. Convict. e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt. Acquit.

[29] Manakala dalam kes yang lebih terkini iaitu kes Mahkamah Persekutuan *Tunde Apatira & Ors v Public Prosecutor* [2001] 1 MLJ 259; [2001] 1 CLJ 381, telah diputuskan seperti berikut: A

> So it comes to this. As a general rule this court will, in the normal course of events, quash a conviction where there has been a misdirection. Exceptionally, a conviction will be upheld despite a misdirection where this court is satisfied that a reasonable tribunal would have convicted the accused on the available evidence on a proper direction. B

[30] Seperti yang telah dinyatakan, adalah menjadi dapatan saya bahawa sekiranya tidak berlaku kekhilafan iaitu salah arahan mengenai beban pembuktian diakhir kes pembelaan tersebut, adalah berkemungkinan dan tidak mustahil dengan keterangan yang ada di hadapan HMS tersebut, akan diputuskan bahawa diakhir kes pembelaan, perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan dan dengan itu pendakwaan gagal membuktikan kesemua pertuduhan yang dikenakan melampaui sebarang keraguan yang munasabah. C D

[31] Walau pun bersifat spekulatif, namun, saya berpendapat adalah wajar juga untuk diutarakan bahawa di dalam kes ini perayu juga berkemungkinan telah terlepas peluang untuk mengemukakan pembelaan yang lebih kukuh iaitu yang mencapai tahap imbangan kebarangkalian kerana telah dengan sahnya didorong untuk mempercayai (*lead to believe*) bahawa beban ke atasnya hanya lah pada tahap untuk menimbulkan keraguan yang munasabah sahaja ke atas kes pendakwaan. E F

[32] Dalam alasan penghakiman HMS yang terpelajar telah dinyatakan yang dipetik seperti berikut:

> SD3 telah menjelaskan kepada mahkamah ini melalui keterangan bersumpah di dalam penyataan saksinya (PSD 3) alasan SCOMM memilih Syarikat MK Urusniaga Sdn Bhd sebagai pembekal ... menurut SD3 yang menguruskan kerja-kerja pembelian barang-barang yang diperlukan untuk SCOMM telah mencadangkan Sykt MK Urusniaga Sdn Bhd sebagai pembekal kerana harga yang ditawarkan adalah murah dan kompetitif. G
>
> Menurut SD3 lagi, OKT1 bersetuju cadangan ini setelah SD3 memaklumkan bahawa atas jaminan secara lisan yang diberikan oleh kawan SD3, Encik Ubaidillah, seorang yang bertugas di Unit Audit Dalam, USM bahawa tidak menjadi kesalahan MK Urusniaga Sdn Bhd dipilih sebagai pembekal walaupun Syarikat itu adalah adik OKT1 untuk turut serta kemukakan sebutharga dan bidaan asalkan tatacara pembekalan yang betul di USM dipatuhi dan setelah diluluskan oleh Naib Canselor Ketika itu, Dato' Professor Dr Omar Osman. H I
>
> Berkenaan dengan keterangan SD3 ini, mahkamah mendapati seseorang yang bernama Encik Ubaidillah dari Unit Audit Dalam, USM tidak pernah dipanggil untuk memberikan keterangan. Mahkamah ini dengan rendah diri berpendapat

A bahawa walaupun tidak ada keperluan undang-undang keterangan SD3 ini memerlukan keterangan sokongan Encik Ubaidillah, namun untuk menguatkan keterangan SD3 untuk membolehkan Mahkamah mempercayai keterangannya maka keterangan tambahan dari Encik Ubaidillah adalah diperlukan.

B **[33]** Adalah dapat difahami dari penghakiman ini bahawa apa yg HMS tidak percaya adalah adakah benar Encik Ubaidillah telah memberikan jaminan seperti yang dinyatakan oleh SD3 dan kerana Encik Ubaidillah ini tidak dipanggil, maka jaminan lisan atau apa yang kononnya dikatakan oleh Encik Ubaidillah kepada SD3 adalah dengar cakap (*hearsay*).

C

[34] Namun, bahagian keterangan SD3 yang gagal difokuskan oleh HMS adalah fakta bahawa SD3 sememangnya telah membuat penyataan kepada OKT1 (abang perayu di mahkamah sesyen) dengan memaklumkan OKT1 akan jaminan yang diberikan oleh Encik Ubaidillah tersebut dan berikutan dengan keyakinan OKT1 dengan penyataan SD3 ini lah, maka persetujuan OKT1 telah diperolehi. Jika perhatian HMS lebih difokuskan kepada fakta bahawa penyataan tersebut sememangnya telah dibuat oleh SD3 kepada OKT1 dan bahawa OKT1 telah bertindak diatasnya (*acted on it*) dan bukannya kepada kebenaran penyataan tersebut, dan sekiranya HMS berkenaan mengaplikasikan tahap beban yang betul terhadap pembelaan, adalah tidak mustahil untuk HMS mencapai dapatan berlainan yang menyebelahi perayu.

D

E

F **[35]** Pada masa yang sama, adalah tidak boleh diketepikan (*rule out*) bahawa sekiranya perayu tahu bahawa pembelaan dikehendaki mengemukakan pembuktian pada tahap yang lebih tinggi, maka, pembelaan akan lebih berusaha untuk memastikan kehadiran Encik Ubadillah ini bagi melunaskan beban pembuktian tersebut.

G

[36] Mahkamah ini juga sedar dan akur bahawa isu kekhilafan HMS di dalam pemakaian beban pembuktian diakhir kes pembelaan ini tidak dibangkitkan didalam petisyen rayuan. Namun, pada masa yang sama, mahkamah ini mengambil perhatian bahawa peguambela yang mewakili perayu diperingkat rayuan ini bukanlah peguambela yang mewakili perayu semasa perbicaraan di mahkamah sesyen. Justeru adalah tidak mustahil jika berlaku kurang penghayatan fakta atau pun ketinggalan (*omission*).

H

I **[37]** Walaupun begitu, pada hemat saya, adalah tidak adil dan tidak wajar untuk perayu yang sedang mempertarungkan kebebasan diri, reputasi malahan keseluruhan kehidupannya di mahkamah ini dihukum (*penalised*) dengan mahkamah ini mengambil pendekatan memejamkan mata mengenai perkara ini semata-mata kerana isu perundangan yang teknikal yang mana seharusnya menjadi tanggungjawab peguam perayu.

[38] Oleh yang demikian, saya mendapati telah berlaku kegagalan keadilan/*miscarried* of justice terhadap perayu-perayu dalam bentuk *misdirection* yang tidak boleh diatasi (*cureable*) di bawah s 422 KTJ. Ini berlaku apabila diakhir kes pendakwaan, perayu yang secara munasabah dan *bona fide* mempercayai bahawa perayu hanya bertanggungan didalam pembelaannya untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan, sebaliknya telah dikejutkan apabila diakhir kes pembelaan, telah diputuskan bahawa pembelaan perayu telah gagal mematahkan anggapan statutori pada tahap imbangan kebarangkalian dan akhirnya membawa kepada sabitan dan hukuman ke atas perayu atas kesemua pertuduhan.

[39] Sehubungan itu, adalah dapatan saya bahawa adalah tidak selamat untuk mahkamah ini mengekalkan sabitan dan hukuman oleh HMS terhadap perayu. Dengan yang demikian, sabitan dan hukuman terhadap perayu atas kesemua pertuduhan adalah diketepikan. Perayu dilepas dan dibebaskan dari kesemua pertuduhan. Jaminan perayu dikembalikan.

Sabitan dan hukuman terhadap perayu atas kesemua pertuduhan diketepikan; perayu dilepaskan dan dibebaskan dari kesemua pertuduhan, dan jaminan perayu dikembalikan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar